



**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 2 TAHUN 2018**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
ANUGERAH JASA BAKTI
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Pendaftar

14 Mac 2018 / 26 Jamadilakhir 1439H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld. 4 (2)

14 MAC 2018
26 JAMADILAKHIR 1439H

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2018

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ANUGERAH JASA BAKTI DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pentadbiran UTeM ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkenaan **Garis Panduan Pelaksanaan Anugerah Jasa Bakti Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan Anugerah Jasa Bakti di UTeM telah diperuntukkan di bawah Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2014 : Anugerah Jasa Bakti Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang telah berkuat kuasa mulai 30 Disember 2013. Ia bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada staf UTeM yang telah lama berkhidmat dan menyumbang bakti kepada Universiti.
- 2.2 Berdasarkan kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 4 Tahun 2014 Perenggan 3.1.1 telah memperuntukkan salah satu syarat kelayakan anugerah yang dipertimbangkan adalah kepada staf dalam semua kumpulan, gred dan kategori yang dilantik oleh mana-mana pihak berkuasa melantik untuk berkhidmat dengan agensi awam sama ada secara tetap, sementara atau kontrak.

- 2.3 Garis panduan ini diwujudkan bagi menerangkan dengan jelas tafsiran yang terperinci bagi tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi staf bertaraf tetap, sementara dan kontrak untuk penganugerahan Anugerah Jasa Bakti.

3.0 PELAKSANAAN PERATURAN DI UTeM

- 3.1 Semua peraturan yang terdapat dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 4/2014 adalah kekal.
- 3.2 Garis panduan ini diwujudkan bagi menjelaskan secara terperinci tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan penganugerahan AJB berdasarkan kepada beberapa keadaan yang telah dikenal pasti seperti berikut :

3.2.1 Staf Yang Bertaraf Sementara

Staf yang bertaraf sementara dari pelbagai jawatan dan gred dari agensi kerajaan lain atau di UTeM yang berkhidmat tanpa putus perkhidmatan **boleh diambil kira tempoh perkhidmatan** untuk tujuan penganugerahan AJB.

3.2.2 Staf Yang Bertaraf Kontrak

Staf yang bertaraf kontrak dari pelbagai jawatan dan gred yang berkhidmat di UTeM sahaja tanpa putus perkhidmatan **boleh diambil kira tempoh perkhidmatan** untuk tujuan penganugerahan AJB. Tempoh perkhidmatan kontrak di agensi kerajaan lain tidak boleh diambil kira.

3.2.3 Staf Yang Bertaraf Tetap

- 3.2.3.1 Peletakan Jawatan di agensi kerajaan lain dan kemudian dilantik di UTeM sebelum Januari 2012 tanpa terputus perkhidmatan **boleh diambil kira tempoh perkhidmatan** untuk tujuan penganugerahan AJB.
- 3.2.3.2 Pelepasan Jawatan Dengan Izin di agensi kerajaan lain kemudian dilantik di UTeM **boleh diambil kira tempoh perkhidmatan** untuk tujuan penganugerahan AJB.
- 3.2.3.3 Peletakan Jawatan di agensi kerajaan lain dan dan kemudian dilantik di UTeM mulai Januari 2012 tanpa terputus perkhidmatan **boleh diambil kira tempoh perkhidmatan** untuk tujuan penganugerahan AJB.
- 3.2.3.4 Peletakan Jawatan di agensi kerajaan lain dan kemudian dilantik di UTeM mulai Januari 2012 dan terputus perkhidmatan **tidak boleh diambil kira tempoh perkhidmatan** untuk tujuan penganugerahan AJB.

3.2.4 Bekas Anggota Tentera dan Anggota Polis Yang dilantik Di UTeM

Bekas anggota tentera di ATM dan anggota polis yang tamat perkhidmatan kemudian dilantik di UTeM di mana tempoh perkhidmatan semasa dilantik di UTeM terputus **tidak boleh diambil kira tempoh perkhidmatan** untuk tujuan penganugerahan AJB.

Panduan Syarat Kelayakan Anugerah Jasa Bakti adalah seperti di LAMPIRAN 1.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Garis Panduan Pelaksanaan Anugerah Jasa Bakti ini perlu dirujuk bersekali dengan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2014 : Anugerah Jasa Bakti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Timbalan Pendaftar Kanan
Pejabat Pendaftar
/BPSM

PANDUAN SYARAT KELAYAKAN ANUGERAH JASA BAKTI

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Kes 1 dan Kes 2: Staf Yang Bertaraf Sementara

KES	SITUASI KES	PELAKSANAAN
KES 1	Pelbagai Jawatan kecuali Tutor (Tanpa putus Perkhidmatan)	<p>Diambilkira perkhidmatan untuk tujuan AJB sama ada berkhidmat di agensi kerajaan atau di UTeM</p> <p><i>Cth: Pembantu Tadbir (Sementara) di UKM</i> = 5 tahun</p> <p><i>Pembantu Tadbir (Tetap) di UTeM</i> = 15 tahun</p> <p>Jumlah perkhidmatan diambilkira = 20 tahun (Layak AJB)</p>
KES 2	Tutor (Tanpa putus Perkhidmatan)	<p>Diambilkira perkhidmatan untuk tujuan AJB sama ada berkhidmat di agensi kerajaan atau di UTeM</p> <p><i>Cth: Tutor (Sementara) di UTM</i> = 3 tahun</p> <p><i>Pensyarah (Tetap) di UTeM</i> = 17 tahun</p> <p>Jumlah perkhidmatan diambilkira = 20 tahun (Layak AJB)</p>

Jadual 1

Kes 3: Staf Yang Bertaraf Kontrak

KES	SITUASI KES	PELAKSANAAN
KES 3	Kontrak (Tanpa putus Perkhidmatan)	<p>Hanya mengambilkira perkhidmatan taraf kontrak di UTeM. Tidak mengambil kira perkhidmatan dari agensi kerajaan lain</p> <p><i>Cth 1: Penolong Pendaftar (Kontrak) di UTeM</i> = 10 tahun</p> <p><i>Penolong Pendaftar (Tetap) di UTeM</i> = 10 tahun</p> <p>Jumlah perkhidmatan diambilkira = 20 tahun (Layak AJB)</p> <hr style="border-top: 1px dashed black;"/> <p><i>Cth 2: Penolong Pendaftar (Kontrak) di UUM</i> = 10 tahun</p> <p><i>Penolong Pendaftar (Tetap) di UTeM</i> = 10 tahun</p> <p>Jumlah perkhidmatan diambilkira = 10 tahun (Belum Layak AJB)</p>

Jadual 2

Kes 4 hingga Kes 7: Staf Yang Bertaraf Tetap

KES	SITUASI KES	PELAKSANAAN
KES 4	Peletakan jawatan di agensi kerajaan lain dan kemudian dilantik di UTeM sebelum Januari 2012 tanpa putus perkhidmatan	<p>Diambilkira perkhidmatan untuk tujuan AJB kerana tidak terputus perkhidmatan (<i>Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bil.4/2014</i>) <i>Perenggan 3.1.2</i>)</p> <p><i>Cth : Pensyarah (Tetap) di USM meletak jawatan pada 1.12.2010 kemudian dilantik sebagai Pensyarah (Tetap) di UTeM pada 1.12.2010.</i></p>
KES 5	Pelepasan Jawatan Dengan Izin di agensi kerajaan lain kemudian dilantik di UTeM	<p>Diambilkira perkhidmatan untuk tujuan AJB</p> <p><i>Cth : Pensyarah (Tetap) di USM diluluskan pelepasan jawatan dengan izin pada 1.12.2010 kemudian dilantik sebagai Pensyarah (Tetap) di UTeM pada 1.12.2010.</i></p>
KES 6	Peletakan Jawatan di agensi kerajaan lain dan dan kemudian dilantik di UTeM mulai Januari 2012 tanpa putus perkhidmatan	<p>Diambilkira perkhidmatan untuk tujuan AJB kerana tidak terputus perkhidmatan (<i>Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bil.4/2014</i>) <i>Perenggan 3.1.2</i>)</p> <p><i>Cth : Pensyarah (Tetap) di USM meletak jawatan pada 1.12.2015 kemudian dilantik sebagai Pensyarah (Tetap) di UTeM pada 1.12.2015.</i></p>
KES 7	Peletakan Jawatan di agensi kerajaan lain dan kemudian dilantik di UTeM mulai Januari 2012 dan putus perkhidmatan	<p>Tidak diambilkira perkhidmatan untuk tujuan AJB kerana putus perkhidmatan (<i>Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bil.4/2014</i>) <i>Perenggan 3.1.2</i>)</p> <p><i>Cth : Berkhidmat di USM (10 tahun), Berkhidmat di MMU (5 tahun), Berkhidmat di UTeM (5 tahun)</i></p> <p>Jumlah perkhidmatan diambilkira : 5 tahun sahaja (Belum Layak AJB)</p>

Jadual 3

Kes 8: Bekas Anggota Tentera dan Anggota Polis Yang dilantik Di UTeM

KES	SITUASI KES	PELAKSANAAN
KES 8	Bekas anggota tentera di ATM dan anggota Polis yang tamat perkhidmatan kemudian dilantik di UTeM. Tempoh perkhidmatan semasa dilantik di UTeM terputus.	Tidak diambilkira perkhidmatan untuk tujuan AJB kerana putus perkhidmatan <i>(Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bil.4/2014)</i> <i>Perenggan 3.1.2)</i> <i>Cth : Tamat perkhidmatan di ATM</i> <i>= 13 tahun</i> <i>Berkhidmat di UTeM</i> <i>=10 tahun</i> Jumlah perkhidmatan diambilkira : 10 tahun sahaja (Belum Layak AJB)

Jadual 4